

'Malaysia rakan strategik Jepun'

Membabitkan sektor perdagangan, teknologi, maritim dan keselamatan serantau

Oleh MINDERJEET KAUR

SHAH ALAM

Jepun melihat Malaysia sebagai rakan strategik dalam pelaburan, pemindahan teknologi digital, mengurus masyarakat menua, automasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta memperkukuh keselamatan maritim, namun ia hanya boleh diperkukuhkan lagi dengan keselamatan di rantau ini.

Duta Besar Jepun ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko berkata, Malaysia terletak di lokasi strategik antara Lautan Hindi dan Pasifik, dan keselamatan rantau adalah penting.

"Kami berada di sini terutama untuk dasar ekonomi sambil membantu kerajaan dan rakyat

dengan pemindahan teknologi serta meningkatkan Malaysia sebagai wilayah maritim mengikut undang-undang antarabangsa," katanya kepada *Sinar Daily*.

Tahun ini merupakan ulang tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur dan bidang utama Jepun kekal pada peningkatan ekonomi digital.

"Kami menyediakan platform Pembuatan Pintar Jepun-Malaysia untuk memperkenalkan dan melaksanakan teknologi ini kepada syarikat PKS," katanya.

Ketika ini Malaysia sangat bergantung kepada tenaga buruh dari negara jiran untuk melakukan kerja-kerja kotor, berbahaya dan sukar (3D).

"Ia akan membolehkan Malaysia mengeluarkan produk berkualiti dengan nilai tambah yang lebih tinggi," katanya.

Bidang kedua ialah mengurus masyarakat menua.

Takahashi berkata, Bank Dunia memaklumkan Malaysia ketinggalan 50 tahun di belakang Jepun dalam menguruskan masyarakat yang semakin tua.

"Ini tidak bermakna Malaysia



Jepun sedia kongsi pengetahuan membabitkan penjagaan kesihatan penuaan, sistem pencen dan isu persaraan.

tidak maju. Malaysia masih mempunyai masyarakat ber-tengah dan akhirnya akan mempunyai penduduk yang semakin tua seperti Jepun," katanya.

Jelas beliau, Jepun bersedia berkongsi pengetahuannya dalam penjagaan kesihatan penuaan, sistem pencen dan isu persaraan.

Jepun juga ingin membantu Malaysia dalam isu pengurusan bencana untuk mengelak banjir seperti tahun lalu berlaku lagi.

"Jepun adalah negara yang terdedah kepada bencana dan kita mempunyai teknologi untuk mencegah bencana dan membina semula apa yang rosak serta-merta," katanya.

Takahashi berkata, Jepun turut berminat untuk membantu Malaysia dari segi kewangan dalam memerangi perubahan iklim



TAKAHASHI



dan mengurangkan pelepasan karbon.

Selain itu, Jepun juga akan melatih Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) untuk meningkatkan keselamatan.

Ujar beliau, Jepun tidak menggunakan kuasa ketenteraan tetapi mereka mempunyai pendekatan seperti membantu orang ramai dengan cara yang termampu.

Selepas pencerobohan ke atas Ukraine, beliau berkata, adalah penting untuk semua negara mematuhi undang-undang antarabangsa dan Jepun akan membantu Malaysia mengekalkan navigasi keselamatannya dan membantu mengurangkan jenayah maritim.

"Kami menyediakan Maritim Malaysia dengan kemahiran dan membantu meningkatkan kapasiti dengan menyediakan latihan kepada kakitangan," tambahnya.

Sementara itu, Takahashi berkata, Jepun menantikan lawatan sulung Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri dalam minggu ini.

Katanya, Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida telah bercakap dua kali melalui telefon dengan Ismail Sabri dan ia pertemuan bersemuka pertama di antara dua pemimpin itu.

"Kami mahu mengambil peluang ini untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan mengembangkan kerjasama strategik antara Jepun dan Malaysia.

"Kerjasama strategik ini bukan sahaja melibatkan ekonomi, tetapi juga politik dan keselamatan," katanya.

Takahashi memaklumkan bahawa beliau juga akan berada di Jepun untuk mengalu-alukan kedatangan Ismail Sabri sepanjang lawatannya selama lima hari.

Pada masa ini, jelasnya, terdapat kira-kira 1,500 syarikat Jepun di Malaysia yang menawarkan sehingga 470,000 peluang pekerjaan.



Tahun ini merupakan ulang tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur dan bidang utama Jepun kekal pada peningkatan ekonomi digital.